

MAJLIS PEMBUKAAN 'TRAINING MANAGER COURSE' (TMC) SIRI 20/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5419-majlis-pembukaan-training-manager-course-tmc-siri-20-19

PULAU PINANG, 17 Sep 19 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah menganjurkan Training Manager Course (TMC) Siri 20/19 yang akan dijalankan selama 4 minggu.

Kursus yang dihadiri 6 orang pegawai dan 16 orang anggota LLP terdiri dari pelbagai Unit latihan di dalam TUDM. Majlis Pembukaan kursus tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM.

Turut hadir Ketua Bahagian Tadbir INSKEP, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM, Ketua Officer Leadership School (OLS) INSKEP, Kapt Mohd Amir Redzuan bin Dahlim TUDM dan staf INSKEP.

